

USAHLAH MENJADI SI TANGGANG MODEN

Oleh: Farah Nur Laili binti Suhaini, 1170963,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 14 Ogos 2020



Gambar hiasan

Saban hari kita sering kali digemparkan dengan kisah ibu dcederakan dan dipukul anak semata-mata kerana duit atau bapa terpaksa masuk penjara akibat perbuatan anak.

Kisah-kisah sedih yang disiarkan media tempatan itu seolah-olah menggambarkan tentang penderhakaan terhadap ibu bapa sudah menjadi fenomena baharu pada masa ini.

Timbul persoalan mengapa anak-anak tergamak bersikap sedemikian terhadap ibu bapa bapa mereka sendiri. Di manakah sifat kemanusiaan mereka?

Jiwa anak-anak tidak sebesar jiwa ibu dan ayah. Kasih anak-anak kadang-kadang tidak berkekalan sehingga ke akhir hayat ibu bapa.

Namun, pengorbanan ibu bapa sanggup menahan kepedihan dan keperitan ketika membesarkan anak-anak kerana kasih sayang mereka yang tiada tolok bandingan.

Setiap ibu bapa dikurniakan oleh Allah SWT dengan naluri kasih sayang terhadap anak-anak mereka. Seorang anak tidak akan wujud ke dunia ini tanpa ibu bapa.

Adalah menjadi kewajiban bagi seseorang anak untuk berbakti kepada ibu bapa mereka dan perkara ini dijelaskan dalam ayat 23, surah al-Isra' yang bermaksud, “Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain-Nya dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa jika salah seorang di antara mereka atau keduanya sudah sampai usia tua dalam pemeliharaanmu, maka janganlah sesekali kamu mengatakan ‘ah’ dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah perkataan yang baik-baik kepada mereka.”

Sesungguhnya, ibu bapa hanyalah seorang manusia biasa yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan termasuk dalam soal mendidik anak-anak.

Walau bagaimanapun, itu tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk kita tidak berbakti kepada kedua ibu bapa apatah lagi bersikap derhaka terhadap mereka.

Sekiranya mereka melakukan kemungkar, anak-anak sewajarnya menegur ibu bapa mereka dengan penuh hikmah dan beradab.

Hal ini dinyatakan dalam ayat 15, surah Luqman yang bermaksud, “Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik.”

Kita hendaklah mengikuti apa yang diajarkan ibu bapa dalam mentaati Allah dan dibenarkan untuk tidak mematuhi mereka sekiranya mereka meminta kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang diperintahkan-Nya.

Semoga Allah SWT melimpahkan rahmat kepada kita dalam usaha menjadi anak yang soleh dan terhindar daripada menjadi ‘Si Tanggung Moden’.

Sebagai manusia yang diberikan hidayah oleh Allah SWT, kita hendaklah bermuhasabah diri dan menghargai kebaikan dan kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu bapa tanpa syarat kepada kita.